

EDISI 10

JUN 2023

BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Mahasiswa Berdaya Cipta Asas Pemacu Malaysia Madani

**AZ'LINA ABDUL HADI, NORNADIAH MOHD RAZALI, JAMILAH OTHMAN
& NOOREZATTY MOHD YUSOP**

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

MADANI merupakan sintesis gaya Malaysia, yang menggabungkan amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-su baru dan ketidakpastian. MADANI bermaksud maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan masyarakat, generasi dan sebagainya). Hanya satu usaha untuk membentuk masyarakat dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan. Enam rukun MADANI dicerakin sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu, dengan setiap satu menguatkan yang lain. Salah satu rukun MADANI yang telah diamanatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023 adalah daya cipta. Daya cipta mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Dalam erti kata yang lain daya cipta diterjemahkan sebagai pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.




Sejajar dengan amanat yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Jawatankuasa Pembangunan Bakat Analitik Data Raya UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) sinergi bersama Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM) UiTM Cawangan Negeri Sembilan komited menganjurkan program yang dikenali sebagai "Analisis Data Menggunakan Bahasa Pengaturcaraan *Python*". Populariti *Python* sebagai satu bahasa pengaturcaraan khususnya dalam semua seni bina sistem dan keupayaannya untuk diaplikasikan dalam pelbagai bidang; daripada pembangunan tapak 'web' hingga ke aplikasi kecerdasan yang dikenali sebagai '*Machine Learning*' adalah antara sebab pemilihan pelaksanaan program ini.

Ia telah menjadi program tradisi di UiTMCNS khususnya di Kampus Seremban sejak 2018 hingga kini yang menyasarkan kepada mahasiswa dan mahasiswi tahun akhir di peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bertujuan memberi nilai tambah serta melengkapkan mereka dengan skil yang diperlukan oleh teknologi kini. Program ini telah memberi manfaat kepada mahasiswa dan mahasiswi yang berkesempatan mengikuti program ini secara bersemuka mahupun dalam talian. Di samping itu, program ini masih lagi signifikan untuk dianjurkan kerana telah menyumbang kepada penjaan pendapatan universiti khususnya UiTMCNS Kampus Seremban.

Pada semester Oktober 2022 – Februari 2023, tanggal 12, 17 dan 24 Disember 2022 yang lalu, program ini telah berjaya dilaksanakan atas kendalian dua orang Pensyarah Kanan daripada Pengajian Pengkomputeran dan Matematik, KPIM UiTM CNS dengan penuh integriti dan komited iaitu Puan Zaitul Anna Melisa Md Yasin dan Encik Mohd Azdi Maasar. Walaupun situasi ekonomi global mengalami ketidakstabilan rentetan daripada pandemik Covid-19, 76 orang peserta tidak berkompromi dengan penuh iltizam untuk mengikuti program yang dianjurkan ini. Program ini telah dilaksanakan bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.


Program ini dimulakan dengan asas bahasa pengaturcaraan *Python*. Para peserta terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda di kampus UiTM CNS diberi pencerahan berkaitan asas bahasa pengaturcaraan ini. Usai memahami asas bahasa pengaturcaraan ini, penceramah menyampaikan secara santai penggunaan '*Python Lists*'. Ceramah berkaitan ini berlanjutan selama dua jam bagi memastikan para peserta jelas dengan penggunaannya.




Program: Analisa Data Menggunakan Bahasa Pengaturcaraan Python di UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Program diteruskan dengan perbincangan penggunaan fungsi dan pakej serta '*numpy*' Python. Item-item ini adalah vital untuk difahami kerana item-item ini kebiasaannya digunakan di dalam pengaturcaraan Python. Sesi perbincangan ini berlanjutan hingga tiga jam dengan diselangi sisipan video dan latihan agar para peserta dapat belajar secara langsung dengan bantuan penceramah.

Menerusi maklum balas daripada 76 orang peserta, majoriti telah memberi maklum balas yang positif terhadap kandungan program, penceramah serta penganjuran program tersebut. Berikut adalah bingkisan ilustrasi rajah maklum balas daripada para peserta.





Berdasarkan lampiran rajah di atas, majoriti para peserta didapati tidak begitu memahami bahasa pengaturcaraan ini di awal program. Jelas kelihatan menerusi rajah di atas, implikasi penyertaan para peserta ke program ini telah menambah pemahaman peserta dengan cemerlang berkaitan pengaturcaraan Python ini.

Penilaian positif oleh peserta terhadap program yang dilaksanakan ini sentiasa mencetuskan idea dan meningkatkan semangat jawatankuasa penganjur serta penceramah untuk meneruskan program ini. Kendatipun begitu, ketetapan masa dan tarikh perlu diperhalusi dengan lebih terperinci bagi memberi peluang kepada semua pelajar menyertai program yang bermanfaat ini. Ini kerana terdapat kekangan masa seperti pelajar-pelajar yang ingin menyertai bengkel ini terpaksa membatalkan penyertaan disebabkan terlibat dengan majlis konvokesyen yang berbeza-beza mengikut kampus peserta sebelumnya. Pihak jawatankuasa terpaksa memilih tarikh yang betul-betul sesuai dengan majoriti peserta yang telah bersetuju untuk mengikuti bengkel ini. Sementara itu, yuran bagi penyertaan program ini juga perlu disejajarkan dengan kemampuan peserta daripada pelbagai latar belakang dengan mengambil kira isu ekonomi semasa.

Ironinya, penyertaan peserta dalam program ini dapat memanasifasikan mahasiswa dan mahasiswi yang berdaya cipta sejajar dengan amanat yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke-10. Di samping itu, penyertaan mahasiswa dan mahasiswi dalam program ini merupakan satu wadah ilmu yang dapat diaplikasikan apabila melangkah ke alam pekerjaan dengan rencaman kemajuan teknologi yang melimpah menggunakan data raya. Kesan panjang bagi program ini diharapkan dapat membantu melahirkan Malaysia MADANI. Berikut adalah sisipan gambar sepanjang program diadakan.